

**KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM:
KAEDAH PEMBENTUKANNYA DARI PERSPEKTIF
TA'A>WUNDAN TAH}ALUF SIYA>SI>¹**

Wafdi Auni Bin Mohamed²
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden Pulau Pinang
No.Tel : +6012-4351939
Email: qalaminda@yahoo.com

ABSTRAK

Kerajaan perpaduan merupakan kerajaan campuran yang dibentuk melalui perkongsian kuasa daripada pelbagai parti politik. Pelaksanaan ini dapat dilihat di negara-negara Eropah, Afrika dan Asia. Dalam kalangan negara-negara Muslim pula ia dilaksanakan di negara-negara seperti Palestin, Sudan dan Yaman. Namun sehingga kini, negara-negara yang membentuk kerajaan perpaduan tersebut gagal menguruskan krisis dalaman dengan berkesan. Misalnya di Sudan dan Yaman, pembentukan kerajaan perpaduan tersebut telah mengakibatkan perang saudara. Bagi mengatasi permasalahan ini, maka dua kaedah iaitu *ta'a>wun* dan *tah}aluf siya>si>* digunakan sebagai asas pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Oleh itu, kertas kerja ini berhasrat mengkaji kaedah pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam melalui analisis dari perspektif *ta'a>wun* dan *tah}aluf siya>si>*. Analisis ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian dokumen dan kaedah analisis kandungan. Hasilnya, didapati kaedah *ta'a>wun* merangkumi tiga ciri iaitu ukhuwah *insa>niyyat*, ukhuwah *di>niyyat* dan ukhuwah *wat}aniyyat*. Sementara kaedah *tah}aluf* juga mengandungi tiga ciri seperti *s}ulh}al-ijtima>'iyyat*, *s}ulh} al-siya>siyyat* dan *s}ulh}al-'alamiyyat*.

Kata Kunci: Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam, *Ta'a>wun*, *Tah}aluf Siya>si>*

PENDAHULUAN

Nabi Muhammad SAW mengutamakan perpaduan ummah ketika membentuk kerajaan Islam di Madinah pada 622-632 Masihi. Perpaduan ini dilakukan antara sesama Muslim dan antara Muslim dengan bukan Muslim. Hal ini dijelaskan dalam Al-Qur'an dan Hadith yang tidak hanya menyebut persaudaraan dan perpaduan sesama Muslim sahaja tetapi juga menyebut tentang persaudaraan dan perpaduan yang merentasi agama. Ia sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur'an tentang kisah

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan di *Conference on Social, Political, Governmental & Communication Sciences (ICSPGCS)* anjuran Fakulti of Social and Political Sciences Universitas Muhammadiyah Jember bertempat di Ahmad Zainuri Hall Universitas Muhammadiyah Jember, Jawa Timur, Indonesia pada 3 & 4 April 2017.

²Wafdi Auni Mohamed merupakan calon pelajar bagi Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

Nabi Hud a.s., Luth a.s., Nabi Hud a.s. dan Nabi Salih a.s.³. Dalam Hadith pula seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Jauhilah prasangka kerana prasangka itu ucapan yang paling dusta. Janganlah kamu mencari aib-aib orang lain dan juga janganlah saling dengki mendengki, membenci dan memusuhi. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu (Riwayat Muslim, No. Hadith 4648).

Di bawah pemerintahan kerajaan Madinah, konsep perpaduan ummah ini digunakan bagi mencapai maksud pembinaan Piagam Madinah sebagai asas penyatuan dan perdamaian. Dua kaedah yang dikenal pasti digunakan secara khusus oleh Rasulullah SAW ialah *ta'awun* dan *tahaluf siyasi*. Dalam kertas kerja ini, penelitian dilakukan kepada kedua-dua kaedah ini untuk pembinaan kaedah pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam secara lebih komprehensif.

KERAJAAN PERPADUAN DI DUNIA MUSLIM

Kerajaan perpaduan secara lazimnya merujuk kepada *Government of National Unity* iaitu suatu kaedah pembentukan kerajaan campuran yang menghadapi konflik atau krisis dalaman sesebuah negara. Secara umumnya, menurut Lijphart (1968), perkongsian kuasa dalam kerajaan perpaduan sebagai suatu rangka kerja berperlembagaan bagi sebuah negara yang multi-etnik. Perkongsian kuasa tersebut dibentuk bagi menggabungkan kepentingan politik pelbagai, termasuk daripada parti politik pembangkang dalam menyelesaikan konflik politik yang berlaku di sesebuah negara. Secara lebih khusus kerajaan perpaduan bermaksud pembentukan kerajaan yang berasaskan kepada semua parti politik utama tidak kira pro-kerajaan atau pro-pembangkang yang menjadi sebahagian daripada parti pemerintah untuk bersama-sama mentadbir negara. Definisi ini juga bertepatan seperti yang dinyatakan oleh *Governance, Social Development, Humanitarian and Conflict*⁴ (2009), kerajaan perpaduan ialah kerajaan campuran yang terdiri daripada semua pihak atau kesemua pihak utama dalam legitimasi. Pihak-pihak ini biasanya terbentuk semasa berlakunya konflik atau darurat. Melihat kepada teori pembentukan kerajaan perpaduan di atas ternyata ia mempunyai kelebihan yang mampu membawa kerjasama dan permuafakatan serta membina keamanan terhadap negara-negara yang menghadapi konflik dan krisis. Aplikasinya digunakan kepada negara-negara yang menghadapi krisis selepas berlakunya konflik peperangan dan krisis kepimpinan dan perpaduan kaum (Druckman, 2008). Namun realitinya ia tetap mempunyai impikasi buruk yang boleh mendatangkan ancaman kepada negara-negara terbabit pada masa akan datang. Para sarjana menyatakan bahawa kerajaan perpaduan yang dibentuk hanya bersifat jangka pendek dan terbina atas konflik yang telah parah seperti berlakunya pertumpahan darah dan peperangan yang mengakibatkan kesengsaraan rakyat (Blake et al., 2015). Contohnya pembentukan kerajaan perpaduan di Palestin jelas menunjukkan bahawa ia dirangka hanya melalui perjanjian antara pemimpin parti-parti utama sahaja. Oleh yang demikian telah menimbulkan implikasi yang

³Surah *al-Shu'ara*, 26:105, 26:106, 26:114, 26:142, 26:160 dan 26:161. Kata *akhuhum* dalam ayat-ayat tersebut bermaksud saudara walaupun kaum Nabi-nabi Nabi Hud a.s., Luth a.s., Nabi Hud a.s. dan Nabi Salih a.s. tetap dalam kekafiran dan kesyirikan kerana menolak dakwah yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah a.s. tersebut (Sayyid Qutb, 2000).

⁴*Governance, Social Development, Humanitarian and Conflict* (GSDRC) ialah sebuah portal *online* yang menyediakan perkhidmatan ilmu pengetahuan berkaitan isu-isu tadbir urus, pembangunan sosial, kemanusiaan dan pengurusan konflik. Untuk maklumat lanjut boleh dirujuk di laman sesawang www.gsdrc.org.

mengancam kepada proses perpaduan politik yang lebih kukuh. Contohnya seperti tidak ada kebebasan berideologi kepada parti-parti politik yang terlibat. Melemahkan fungsi parti pembangkang, parti-parti kecil (bebas) dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyatakan pandangan dan turut serta dalam pembinaan negara (Lackner, 2016; Casalin & Herremans, 2011).

Begitu juga penelitian berkaitan kerajaan perpaduan yang dibentuk di Sudan dan Yaman. Umumnya ia telah mempamerkan berlakunya permuafakatan politik di antara parti-parti politik yang berlainan ideologi dan kepimpinan dalam membentuk kerajaan secara konsensus (Hisham al-Qarawi, 2011; Blake et al., 2015). Secara teori dan matlamat jangka pendek, model ini mempamerkan penyelesaian terhadap konflik dan krisis perpecahan politik dan kepimpinan seperti di Yaman yang melibatkan Presiden Ali Abdullah Saleh. Namun, kelemahan yang ketara ialah model ini dilihat menjadi ancaman baru seperti persaingan ideologi parti-parti politik yang bermuafakat, krisis kepimpinan yang lebih teruk dan agenda politik menjadi keutamaan kepada proses perpaduan dan perdamaian yang dibentuk (Durac, 2012).

Kelemahan-kelemahan tersebut telah meletakkan aplikasi kerajaan perpaduan mengalami kegagalan. Kegagalan yang ditonjolkan dalam pembentukan kerajaan perpaduan negara-negara terbabit seperti di Sudan yang bertahan selama 5 tahun. Sementara di Palestin pula hanya bertahan selama 2 tahun dan di Yaman hanya boleh bertahan selama 1 tahun sahaja (Blake et al., 2015). Iam menjadi contoh bahawa model ini belum mempunyai kerangka yang utuh untuk diaplikasikan di negara-negara Muslim. Kegagalan pembentukan kerajaan perpaduan di negara-negara Muslim tersebut mempamerkan terdapat kelompangan dalam kaedah permuafakatan politik yang dibentuk. Menelusuri kejayaan tamadun-tamadun dunia yang lepas, rakaman sejarah menunjukkan pembentukan negara Islam Madinah antara tahun 622 Masihi hingga 632 Masihi boleh dijadikan penanda aras kepada kaedah pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Para sarjana dan sejarawan baik dari dunia Islam mahupun dunia barat menggambarkan kelahiran kerajaan Islam Madinah di Semenanjung Tanah Arab telah membawa arus transformasi kepada keteguhan politik, kekuatan ekonomi dan perpaduan antara rakyat menjadi satu tradisi baru dalam peradaban manusia yang sebelumnya tidak ada dalam peradaban bangsa lain (Hitti, 2005).

PEMBENTUKAN KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM MELALUI ANALISIS KAEDAH TA'AWUN DAN TAHAJALUF SIYASATI

Kerajaan perpaduan berteraskan Islam merupakan cerminan daripada pemahaman konsep persaudaraan dan perpaduan ummah yang diwujudkan oleh Rasulullah SAW ketika membentuk kerajaan Madinah. Realiti perpaduan yang dibentuk oleh Rasulullah SAW semasa Hijrah ke Madinah. Sebelum berlakunya Hijrah, bumi Madinah yang dahulunya dikenali Yathrib menyaksikan berlakunya pergolakan politik yang telah mencetuskan perbalahan dan perpecahan dalam kalangan bangsa Arab khususnya Aus dan Khazraj. Kemuncak perselisihan tersebut membawa kepada peperangan antara kedua-dua pihak yang berlaku di *Bu'ath* pada tahun 618M. Namun, Rasulullah SAW mengambil masa hanya 4 tahun untuk menyatukan kembali kaum *'Aws* dan *Khazraj* yang merupakan kaum asal dan majoriti di bumi Madinah.

Kemudian berkembang menuju kepada pembentukan sebuah negara. Tema perpaduan diangkat sebagai satu gagasan utama menjadi asas kerajaan yang dibentuk. Hal ini boleh dilihat dalam *Bay'at al-'Aqabat* pertama dan *Bay'at al-'Aqabat* kedua hingga seterusnya merangka dan mengisytiharkan suatu perlembagaan yang dinamakan Sahifah Madinah. Semua ini adalah bertitik tolak daripada panduan al-Qur'an secara jelas banyak membicarakan prinsip-prinsip kesatuan dalam

menjalani kehidupan bermasyarakat dan bernegara seperti prinsip persatuan dan persaudaraan⁵, prinsip persamaan⁶, prinsip tolong menolong dan membela golongan yang lemah dan prinsip perdamaian dalam peperangan⁷. Oleh yang demikian, perintah al-Qur'an untuk mewujudkan prinsip persamaan, persaudaraan dan perdamaian adalah demi kemaslahatan umat Islam. Hal ini secara jelas diaplikasikan dalam *Siyasat al-Rasul* iaitu tindakan Rasulullah SAW membentuk Negara Madinah. Sejarah Negara Madinah memberi tumpuan kepada usaha untuk memahami dan menjelaskan pembentukan kerajaan negara Islam yang pertama di peradaban dunia. Oleh itu, proses pembentukan Negara Islam Madinah pada 622M merupakan aspek terpenting ke arah pembinaan kaedah pembentukan kerajaan Muslim pertama di dunia. Aplikasi Rasulullah SAW di Madinah yang membawa kepada kepentingan perpaduan masyarakat Muslim dan Non-Muslim dalam membina negara yang bersatu dan harmoni. Dua kaedah yang dikenal pasti sebagai asas kepada politik perpaduan yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW di Madinah. Pertama, *ta'awun*; dan kedua, *tahalluf siyasi*. Kedua-dua kaedah ini dibuktikan melalui empat peringkat kerjasama dan permuafakatan yang dijalinan oleh Baginda SAW dengan masyarakat Madinah. Pertama, permuafakatan di antara suku asal Madinah iaitu Suku 'Aws dan Suku *Khazraj* yang seterusnya membentuk golongan Ansar; kedua, persaudaraan di antara golongan Ansar dengan golongan yang berhijrah dari Mekah ke Madinah iaitu Muhajirin; dan ketiga, Piagam Madinah; dan keempat perjanjian *Hudaibiyah* yang menjadi kemuncak kepada prinsip utama perpaduan berteraskan Islam dalam masyarakat yang berbilang agama, kaum dan budaya.

Kaedah *Ta'awun*

Ta'awun secara umumnya bermaksud saling bantu membantu dalam melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Dalam pembentukan Negara Madinah, *ta'awun* ialah tindakan Rasulullah SAW melaksanakan konsep ukhuwah Islamiah dalam strategi pembentukan masyarakat Madinah ('Ali 'Abd al-Hajali Mahmu, 1993). Al-Buhtiy (1977) merumuskan makna ukhuwah Islamiah adalah persaudaraan yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW seperti pembentukan golongan Ansar, jalinan persaudaraan antara Muhajirin dengan Ansar dan penggubalan Piagam Madinah. Semua ini adalah berteraskan akidah tanpa melihat kepada hubungan kekeluargaan mahu pun pertalian darah.

Dalam konteks *ta'awun* tersebut, Rasulullah SAW mengajak kelompok Islam bantu-membantu antara satu sama lain. Kaedah *ta'awun* menuntut supaya menghidupkan agama dengan bersatu padu dan mengelak dari perpecahan. Melalui prinsip ini, model Negara Madinah mendefinisikan hubungan antara individu dan kelompok yang membentuk masyarakat sebagai ukhuwah di atas tapak falsafah yang kukuh yang menyeimbangkan di antara hak individu dan tanggungjawabnya kepada masyarakat berteraskan konsep ukhuwah Islamiah ('Ali 'Abd al-Hajali Mahmu, 1993). Melalui kaedah *ta'awun*, pengkaji mengenal pasti tiga ciri yang mendokong kepada perpaduan berteraskan Islam yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam pembentukan Negara Madinah. Ciri pertama, ukhuwah *insaniyyah*; ciri kedua, ukhuwah *diriyah*; dan ciri ketiga, ukhuwah *wataniyyah*. Ciri pertama iaitu, perpaduan *insaniyyah* yang dibentuk oleh Rasulullah SAW di Madinah meliputi kemuliaan peribadi, masyarakat, politik dan larangan berbeza darjat dalam. Ciri ukhuwah *insaniyyah* ini ditonjolkan melalui penyatuan Suku 'Aws dan Suku *Khazraj* sehingga

⁵ Surah 'Ali-'Imran, 3:103 dan Surah al-Hajurat, 49:10

⁶ Surah al-Nisa', 4:1

⁷ Surah al-Nisa', 4:89-90 dan Surah al-Anfal, 8:61

membentuk golongan Ansar yang memiliki keimanan kepada Allah SWT dan mengakui KeRasulan dan kepemimpinan Nabi Muhammad SAW (Wafdi Auni Mohamed, 2016). Kemudian, ciri *ukhuwahinsa>niyyat* dikemaskan melalui ciri kedua iaitu *ukhuwahdi>niyyat*. Ciri ini memerlukan seorang Muslim memiliki sifat setia dan tolong menolong dalam hubungannya dengan Muslim yang lain serta meletakkan kepentingan agama melebihi kepentingan diri dan dunia. *Ukhuwah di>niyyat* ini ditonjolkan melalui persaudaraan golongan Ansar dan golongan Muhajirin. Ciri *ukhuwahinsa>niyyat* dan ciri *ukhuwahdi>niyyat* secara langsung telah membentuk teras kepada perpaduan Islam. Rentetan daripada kejayaan membentuk persaudaraan Muslim yang bersatu di Madinah, ia secara langsung bergerak menuju kepada ciri *ukhuwah wat}aniyyat* (Wafdi Auni Mohamed, 2016). *Ukhuwah wat}aniyyat* jelas kelihatan dalam pembentukan Piagam Madinah yang digubal selepas kejayaan membentuk persaudaraan Muslim. Piagam Madinah memberikan keadilan dan ruang kebebasan kepada golongan bukan Islam menjalani kehidupan beragama dan bermasyarakat dalam negara Madinah yang jelas dipandu oleh syariat Islam. Seterusnya, membentuk dua perjanjian penting. Pertama, perjanjian di sesama umat Islam iaitu ikatan *ukhuwah Islamiah*; dan kedua, perjanjian kerjasama di antara bukan Islam atau dikenali sebagai *tah}aluf siyasi* (Muni>r Muh}ammad Ghad}ba>n, 1982).

Kaedah Tah}aluf Siya>si>

Kaedah *tah}aluf siya>si>* pula berasaskan perpaduan yang kukuh dalam kalangan Muslim di Madinah telah mengizinkan Rasulullah SAW untuk menggerakkan strategi-strategi bagi mengukuhkan kedudukan agama Islam dan umatnya di Madinah. Menurut Mohd Syakir Mohd Rosdi (2015), *tah}aluf siya>si>* secara umumnya membawa maksud kerjasama antara dua atau beberapa pihak untuk mencapai objektif yang sama selagi tidak melanggar syariat Islam. Kaedah *tah}aluf siya>si>* yang dibentuk oleh Rasulullah SAW adalah melalui pemeteraian perjanjian dengan kabilah-kabilah yang bukan Islam khususnya Yahudi di Madinah. Dengan perjanjian tersebut mempamerkan bahawa sebuah asas kerajaan yang bersifat majmuk memerlukan kepada pelaksanaan *tah}aluf siya>si>*. Kaedah *tah}aluf siya>si>* memberikan maksud yang menyeluruh dalam tindakan semua warganegara sama ada Muslim atau bukan Muslim mesti mendokong kepemimpinan dan perlembagaan yang dimeterai dengan penuh rasa tanggungjawab. Hal ini dizahirkan dengan jelas dalam penggubalan Piagam Madinah.

Kaedah *tah}aluf siya>si>* mengandungi tiga ciri utama iaitu *s}ulh} al-ijtima>'iyyat*, *s}ulh} al-siya>siyyat* dan *s}ulh} al-'alamiyyat*. *Sulh} al-ijtima>'iyyat* bermaksud perdamaian masyarakat. Pembentukan Piagam Madinah yang digubal selepas kejayaan membentuk persaudaraan Muslim. Piagam Madinah memberikan keadilan dan ruang kebebasan kepada golongan bukan Muslim menjalani kehidupan beragama dan bermasyarakat dalam negara Madinah yang jelas dipandu oleh syariat Islam. Seterusnya, membentuk dua perjanjian penting. Pertama, perjanjian di sesama umat Islam iaitu ikatan *ukhuwah Islamiah*; dan kedua, perjanjian kerjasama di antara bukan Islam sebagaimana yang terkandung dalam 47 Fasal Piagam Madinah (Muni>r Muh}ammad Ghad}ba>n, 1982). Ciri *s}ulh} al-ijtima>'iyyat* adalah usaha mewujudkan suasana masyarakat yang aman dan cintakan perpaduan. Ciri yang kedua iaitu *s}ulh} al-siya>siyyat* menunjukkan Islam memberikan garis panduan yang jelas dalam usaha membentuk perdamaian politik dengan bukan Muslim. Hal ini dibuktikan melalui tindakan Rasulullah SAW melakukan *tah}aluf* (kerjasama) dengan kabilah-kabilah di sekitar Madinah selepas termeterai Piagam Madinah. Menurut Qasi>m (1981), Rasulullah SAW berusaha mengadakan kerjasama dengan semua kabilah yang tinggal bersempadan dengan bumi Madinah. Beliau mengatakan bahawa Baginda SAW sejak awal lagi selepas diiktiraf sebagai ketua

kerajaan Madinah mengadakan kerjasama dengan *Bani> Damrat*, *Bani> Juhaynat*, *Bani> Khuza>at*, *Bani> Ghifa>r* dan *Bani> Asla>m*. Contohnya hubungan kerjasama bercirikan *s}ulh} al-siya>siyyat* antara Rasulullah SAW sebagai Ketua Kerajaan Madinah dengan *Bani> Damrat* telah melalui tiga peringkat. Peringkat pertama, kerjasama yang melibatkan perlindungan jiwa, harta dan memberi keamanan; peringkat kedua, kerjasama untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh; dan peringkat ketiga, mengiktiraf Nabi Muhammad SAW sebagai Ketua Kerajaan Madinah dan mendapatkan pertolongan daripada Baginda SAW dalam semua keadaan sama ada pada waktu aman atau waktu diserang oleh musuh luar (Qasi>m, 1981; Yahaya Jusoh, 2014). Kaedah *tah}aluf siya>si>* ini adalah penting untuk membentuk sebuah negara daripada segi pengaruh politik yang berteraskan agama kepada masyarakat Madinah dan sekitarnya. Kemudian, kaedah tersebut berkembang dengan bercirikan *s}ulh} al-alamiyat*. *S}ulh} al-alamiyat* bermaksud perdamaian sejagat yang menekankan kepada peri penting membentuk kerjasama dan permuafakatan atas dasar untuk membina perpaduan dan membenci perperangan.

Ciri *s}ulh} al-alamiyat* ini didapati daripada kaedah *tah}aluf siya>si>* dalam Perjanjian *Hudabiyyat* antara Rasulullah SAW sebagai ketua Negara Madinah dengan golongan Quraisy Mekah. Rasulullah SAW membatalkan Perjanjian tersebut selepas dua tahun pemeteraiannya akibat pengkhianatan Quraisy Mekah terhadap kerjasama yang diberikan. Disebabkan tiada jaminan keamanan dan keselamatan terhadap orang-orang Islam, Rasulullah SAW menyusun strategi menawan Mekah secara aman. Hasilnya Baginda SAW membebaskan Kota Mekah dan selepas itu kepimpinan Rasulullah SAW tersebar di luar Madinah. Madinah diiktiraf oleh kuasa besar seperti Rom, Parsi, Habsyah dan di luar Semenanjung Arab (Qasi>m, 1981; al-Bu>t}iy, 1977).

KESIMPULAN

Kerajaan perpaduan di negara Muslim jelas sentiasa dihambat dengan masalah konflik dan krisis dalaman walaupun setelah dibentuk kerjasama dalam kalangan parti-parti politik yang sebelum ini bertentangan sifat politiknya. Ia menjadi ancaman utama kepada pembentukan gagasan perpaduan yang kukuh. Faktor utama kegagalan model kerajaan perpaduan adalah kaedah pembentukannya untuk kerjasama dan permuafakatan tidak berpandukan kepada prinsip-prinsip yang digariskan oleh Islam. Islam telah membuktikan bahawa pembentukan dan aplikasi perpaduan dalam pembinaan negara telah berlaku sebelum model-model kerajaan perpaduan dibentuk lagi. Sejarah telah merakamkan bahawa Negara Madinah 622-632M merupakan sebuah kerajaan yang dibangunkan oleh kerangka-kerangka perpaduan yang bersifat komprehensif dan praktikal. Kaedah *ta'a>wun* dan *tah}aluf siya>si>* merupakan kaedah yang terbukti berjaya membina kerjasama dan permuafakatan dalam pembentukan kerajaan perpaduan berteraskan Islam sebagaimana yang diaplikasi dalam pembentukan Negara Madinah. Ciri-ciri yang terdapat dalam kaedah *ta'a>wun* seperti *ukhuwahinsa>niyyat*, *ukhuwahdi>niyyat* dan *ukhuwahwat}aniyyat* menyerlahkan ikatan perpaduan yang kukuh dalam kelompok sesama Muslim. Sementara melalui ciri-ciri yang terdapat dalam kaedah *tah}aluf siya>si>* seperti *s}ulh} al-ijtima>'iyyat*, *s}ulh} al-siya>siyyat* dan *s}ulh} al-alamiyat* mempamerkan kepentingan pembentukan kerjasama dengan masyarakat bukan Muslim bagi membina perdamaian dalam masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Al-Bu>tjiy, Muhammad Sa'idRamadha>n. (1977).*Fiqh al-si>rah: Diras>at minh}aji>yyaṭ 'ilmiyyaṭ li-s}jira>t al-Must}afa>'Alayh S}alat wa Salam*. Lubnan: Darul Fikr.
- 'Ali 'Abd al-H}ali>m Mah}mu>d. (1993).*Fiqh al-ukhu>wwaṭ fi> al-Isla>m*. Kaherah: Dar al-Tawzi'.
- Qasi>m, 'Aun al-Syari>f. (1981). *Nasy'at al-daulaṭ al-Islamiyyaṭ 'ala>ah}diy Rasu>lillah SAW*. Qahi>raṭ: Dar al-Kita>b al-Islamiyyaṭ.
- Blake, D., Butler, O., Dunk, R., Duren, M., Jenkins, K., Lashmore, J. & Sambo, A. (2015, May). *Governments of National Unity: Analyzing the conditions influencing dissolution*. Kertas kerja yang dibentang di Workshop in International Public Affair Spring 2015, The Robert M. La Follette School of Public Affairs University of Wisconsin–Madison.
- Challand, B. (2009). Fatah-Hamas rivalries after Gaza: Is unity imposible?. *The International Spectator: Italian Journal of International Affair*, Vol. 44, No. 3, hal. 11-17, DOI: 10.1080/03932720903268456.
- Durac, V. (2012, March). *Yemen's Arab Spring – Democratic opening or regime maintenance?* Kertas kerja yang dibentang di BRISMES Annual Conference di London School of Economics and Political Science (LSE).
- Druckman, J. N. (2008). Dynamics Approaches to Studying Parliamentary Coalitions. *Political Research Quarterly*. Vol. 61. No.3, hal. 479-483.
- Hisham al-Qarawi. (2011). The Yemeni revolution: replacing Ali Abdullah Saleh, or replacing obsolete institutions?, *Arab Centre for Research and Policy Studies*. Diakses dari <http://english.dohainstitute.org/Home/Details/5ea4b31b-155d-4a9f-8f4da5b428135c-d5/a81c-810b-9b30-4cbc-bede-c03b5bf69eac>.
- Hitti, P. K. (2005). *History of the Arab (Terj. edisi revisi ke-10)*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Lackner, H. (2016). *Yemen 'peaceful' transition' from autocracy: Could it have succeeded?*. Stockholm: International Institute for Democracy and Electoral Assistance (International IDEA).
- Lijphart, A. (1968). Typologies of democratic systems. *Comparative Political Studies* 1(1), hal. 3-44.
- Mohd. Syakir Mohd Rosdi. (2015). The roles of *tah}a>luf siya>si>* in political unity. *International Journal of Humanities and Social Science*, vol. 5, no. 7, hal. 59-71.
- Muni>r Muh}ammad Ghad}ba>n. (1982).*Al-tah}a>luf al-siya>si> fi> Isla>m*. Qahi>raṭ: Dar al-Salam.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir fi zilalil Qur'an di bawah bayangan Al-Qur'an*. Terj. Kota Baharu: Pustaka Aman Press.
- Wafdi Auni Mohamed (2016). Konflik kerajaan perpaduan nasional (GNU) di Palestin: Solusi berasaskan prinsip kerajaan perpaduan dalam Islam. Dlm. M. Said Siregar, Akbar Habib, Rahmad Syukur, Juwita R. Manik, Amin Basri (sunt.), *The 9th International Workshop On Islamic Development (Workshop Antarbangsa Pembangunan Berteraskan Islam): Proceedings (pp. 200-206)*. Medan, Indonesia: UMSU Press.
- Wafdi Auni Mohamed. (2016, Oktober). *Permuafakatan politik di Malaysia berasaskan kerangka kerajaan perpaduan berteraskan Islam*. Kertas kerja yang dibentang di ISDEV International Graduate Workshop (The 11th INGRAW 2106), Universiti Sains Malaysia.